

**NO SOALAN: 22**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 30 Oktober 2014 (Khamis)**

**SOALAN :**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kriteria pengesahan dan kenaikan pangkat seseorang Pesuruhjaya Kehakiman dan Hakim di Malaysia.**

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] dan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, tiada penggunaan istilah “pengesahan” dan “kenaikan pangkat” dalam Badan Kehakiman sebagaimana yang terdapat dalam perkhidmatan awam.
2. Dalam hubungan ini, seseorang Pesuruhjaya Kehakiman atau Hakim adalah dilantik berdasarkan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

*“Seseorang layak dilantik di bawah Perkara 122B sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, sebagai hakim Mahkamah Rayuan atau sebagai hakim mana-mana Mahkamah Tinggi jika —*

- (a) *dia seorang warganegara; dan*
- (b) *bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya dia telah menjadi peguam bela bagi mahkamah itu atau mana-mana satu daripada mahkamah itu atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri”.*

3. Di bawah peruntukan seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] pula telah menetapkan kriteria pemilihan seperti berikut:

- “(1) Seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.*
- (2) Dalam memilih calon, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain, kriteria yang berikut:*

  - (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;*
  - (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;*
  - (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;*
  - (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan*
  - (e) kesihatan fizikal dan mental.*
- (3) Seseorang yang merupakan Hakim atau Pesuruhjaya Kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum*

*ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.*

- (4) *Dalam memilih calon, Suruhanjaya mestilah juga mengambil kira keperluan untuk menggalakkan kepelbagaiannya dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam Badan Kehakiman.”*

Sekian, terima kasih.